

Menghargai Nikmat Kurniaan Allah s.w.t.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اَللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita mengambil kesempatan di hari Jumaat yang mulia ini untuk kita terus bertakwa kepada Allah s.w.t. Laksanakanlah saudara, perkara-perkara kebaikan yang diperintah Allah s.w.t. dan jauhilah segala laranganNya. Jadikanlah Baginda Nabi Muhammad s.a.w. sebagai contoh teladan kita dalam usaha ini.

Saudara sekalian,

Pada kesempatan kali ini, saya ingin mengajak kita menghayati sebuah kisah yang diriwayatkan di dalam kitab Tabaqat Ibn Sa'ad. Suatu ketika Saidatina Fatimah r.a, datang kepada

ayahnya membawa secebis roti. Nabi lalu bertanya: *"Apakah ini wahai Fatimah?"* Fatimah menjawab: *"Aku membawa sedikit roti. Aku rasa tidak tenteram wahai Ayahanda sehinggalah aku membawa kepadamu cebisan roti ini."* Maka Rasul bersabda: *"Sesungguhnya inilah makanan yang pertama, ayahmu rasa semenjak tiga hari yang lalu."*

Subhanallah! Begitu sekali hebatnya peribadi kekasih Allah yang telah menjejaki taman syurga ketika dimirajkan. Demikian kehidupan tawaduk yang dipilih oleh insan mulia ini yang merupakan ketua Negara dan sekaligus pemimpin umat. Bahkan keterbatasan sumber rezeki tersebut, bukan sahaja dirasakan oleh Baginda s.a.w. sahaja, bahkan turut dilalui oleh anak dan keluarganya. Saidina Ibn Abbas r.a. berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَبِيتُ اللَّيَالِي الْمَتَابِعَةَ
طَاوِيًا، وَأَهْلُهُ لَا يَجِدُونَ عَشَاءً.

Yang bermaksud: *"Rasulullah dan keluarganya pernah menahan lapar selama beberapa malam berturut-turut kerana tiada makanan."*

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan Imam Bukhari dan Muslim, Saidina Umar ibn Khattab r.a. pernah menangis kesedihan, kerana terharu melihat kesan gurisan pada kulit jasad Nabi s.a.w. disebabkan tilam yang dijadikan Nabi sebagai

tempat pembaringannya ternyata diperbuat dari pelepah daun kurma.

Kisah-kisah ini dan banyak lagi yang serupa dengannya, semuanya menceritakan kisah Rasulullah yang walaupun berhadapan dengan kekurangan keselesaan dan rezeki, tidak pernah Baginda bersungut atau mempersoalkan kehendak Allah s.w.t. Bahkan beliau tetap gigih berusaha menambahkan amal ibadah sebagai tanda seorang hamba yang bersyukur. Baginda s.a.w. selalu dalam keadaan sedar bahawa pada setiap saat dan detik kita ini berada di dalam kenikmatan. Hanya sahaja samada kita mahu menyedarinya ataupun tidak

Saudara yang saya kasihi,

Perhatikan firman Allah s.w.t. dalam surah Luqman ayat 20:

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ
وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَهْرَةً وَبَاطِنَةً ۗ وَمِنَ النَّاسِ مَن تَجَدَّلُ
فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّنِيرٍ ﴿٢٠﴾

Yang bermaksud : *"Tidakkah kamu perhatikan sesungguhnya Allah telah menundukkan untuk (kepentingan)mu apa yang di langit dan apa yang di bumi dan menyempurnakan untukmu nikmat-Nya yang zahir dan yang batin. Dan di antara manusia*

ada yang membantah tentang (keesaan) Allah tanpa ilmu pengetahuan atau petunjuk dan tanpa Kitab yang memberi penerangan."

Kadangkala kita hanya menyangka bahawa nikmat kurniaan Allah s.w.t. itu yang berbentuk nikmat yang terzahir sahaja. Kita akan bersyukur apabila dinaikkan pangkat, ataupun apabila menikmati tangga gaji yang lumayan dan sebagainya. Akan tetapi saudara tatkala nikmat yang terzahir itu Allah s.w.t. tarik, maka kita akan mula merungut, mempersoalkan keadilan Ilahi, dan mungkin juga akan terlupa untuk bersyukur kehadiran Ilahi atas beribu lagi nikmat-nikmat lain, yang tidak putus-putus Allah beri.

Janganlah kita menjadi seperti sebahagian hamba Allah s.w.t. yang sukar untuk bersyukur kepada Allah s.w.t., seperti di dalam firman Allah di dalam surah Saba' ayat 13:

وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ الشَّاكِرُونَ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: *"Dan hanya segelintir dari Hambaku yang bersyukur."*

Saudara,

Sifat dan ciri inilah yang perlu kita contohi dari Nabi s.a.w.

Hanya hati yang bersyukur akan dapat merasakan ketenangan di dalam kehidupan. Janganlah kita menjadi seperti sebahagian

orang yang selalu merungut di atas segala hal keadaan dan ketetapan Allah dan merasakan bahawa ia bukan yang selayaknya ia terima. Saya pasti kita pernah bertemu individu sedemikian. Sebagai contoh, ada orang yang telah dikurniakan pasangan dan zuriat namun kemudian merungut ataupun menyesal berkeluarga dan mengharapkan kehidupan sebaliknya. Sedangkan ramai sahaja orang yang mendambakan nikmat kebahagiaan berkeluarga.

Bahkan, di dalam kehidupan yang serba selesa di Singapura, kita mudah menjadi orang yang tidak bersyukur jika tidak berhati-hati. Contohnya lihat sahaja bagaimana mungkin sebahagian kita merungut bahawa signal Wifi kita kurang kepantasannya sedangkan untuk sebahagian penduduk dunia yang lain, Wifi itu merupakan suatu nikmat yang amat berharga untuk ia memperolehi ilmu dan maklumat. Kita mungkin merungut jika telefon bijak kita bukanlah model terkini yang mempunyai teknologi terbaik. Sedangkan di suatu sudut dunia yang lain, untuk mempunyai telefon bimbit sahaja ia sudah suatu nikmat yang disyukurinya untuk ia berhubungan dengan keluarga dan teman.

Ketahuiilah saudara, seandainya kita gagal mensyukuri nikmat ini dengan keikhlasan dan bukan hanya setakat lafaz syukur di bibir, jiwa kita tidak akan pernah merasakan ketenangan. Kita akan terus disibukkan dengan usaha mengejar keselesaan

dunia yang sementara sehingga terlupa akan tujuan kehidupan kita di dunia ini iaitu untuk mencapai keredhaan Allah melalui kebaikan.

Saudara yang saya kasihi,

Apabila seorang hamba itu bersyukur kepada Allah s.w.t., dia akan berusaha sedaya supaya untuk mempergunakan segala nikmat kurniaanNya dengan sebaik mungkin, agar mencapai keredhaan Allah s.w.t. Hartanya dibelanjakan pada jalan yang halal serta diredhai Allah s.w.t. Pendidikan dan asuhan anak dan isteri dititikberatkan demi meraih kasih Allah. Tenaganya, penglihatan, pendengaran bahkan seluruh anggota jasadnya dipergunakan menurut perintah Allah dan RasulNya. Dia bukan hanya berangan-angan untuk mengecapi nikmat yang bukan miliknya, bahkan dia bersyukur di atas nikmat yang telah dikurniakan, lalu pergunakan nikmat tersebut dengan sebaik mungkin.

Hanya apabila kita dapat mengikat nikmat keduniaan dengan yang demikianlah baru ia menjadi bekal untuk kita ke akhirat dan bukan alat yang melalaikan kita daripadanya. Inilah sifat Rasulullah s.a.w. yang ingin kita hidupkan di dalam diri kita. Kita mencapai kecemerlangan material dunia agar ia kemudian dapat membawa kita lebih dekat lagi kepada kecemerlangan abadi di akhirat kelak.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita seisi keluarga rasa cinta kepada Allah dan RasulNya. Cinta yang mampu mendorong kita untuk menjadikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai contoh teladan, sunnahnya sebagai ikutan dan ajarannya sebagai panduan kehidupan. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .